

**SAMBAR SIBIRIA**  
Dark-sided Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae  
NAMA SAINTIFIK: *Muscicapa sibirica*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini hampir menyerupai spesies Sambar Asia, *M.daurica*, tetapi saiznya adalah lebih kecil dan mempunyai paruh yang berwarna hitam. Pada bahagian dada dan sayap berwarna coklat kekelabuan serta terdapat jalur-jalur panjang yang halus berwarna gelap dan jalur putih pada bahagian bawah perut. Pada bahagian atas badan pula berwarna coklat gelap di mana pada bahagian tengah bawah ekor terdapat warna hitam serta bahagian hujung sayap yang panjang. Bagi individu juvenil, bahagian atas badan adalah lebih pudar di mana terdapat jalur-jalur yang berwarna kuning pucat. Pada bahagian bawah badan berwarna hitam dan terdapat jalur kehitaman pada bahagian tekak, dada dan sayap. Sebahagian daripada bahagian sayap ini dan juga bahagian ekor berwarna kuning pucat. Burung ini mempunyai saiz di antara 13-14 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan serangga.

**HABITAT**

Burung ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan konifer, kawasan hutan sekunder, ladang-ladang pertanian dan juga di kawasan hutan paya bakau iaitu pada ketinggian sehingga ke 3,660 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang lemah dan menghasilkan fasa bunyi yang tinggi termasuk bunyi *tsee* yang berulang dan disusuli dengan nada yang tinggi serta siulan.

**PEMBIAKAN:** Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mei hingga Julai setiap tahun di mana sarang dibina pada bahagian dahan pokok yang berbentuk seperti cawan dan juga pada bahagian lubang pokok iaitu pada ketinggian 2-18 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3-4 biji, berwarna hijau pudar dan berbintik-bintik merah pada bahagian hujungnya yang berukuran 17.1 X 12.2 mm secara purata.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.